



---

**KHAMIS, 2 JULAI 2020  
UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PENGGANTUNGAN PEMEGANG LESEN PAKISTAN DI MALAYSIA**

PUTRAJAYA – Merujuk kepada kenyataan Menteri Penerbangan Pakistan, Ghulam Sarwar Khan mengenai sejumlah juruterbang Pakistan yang tidak memiliki lesen juruterbang yang sah, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan menggantung sementara pemegang lesen Pakistan yang kini berkhidmat di Malaysia.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Pakistan (PCAA) mendakwa sejumlah 262 daripada 860 juruterbang Pakistan yang aktif didapati melakukan penipuan dengan menghantar wakil untuk menduduki peperiksaan bagi membolehkan lesen juruterbang diperolehi. Dianggarkan 40 peratus juruterbang di Pakistan telah menggunakan lesen penerbangan palsu. Susulan itu, beberapa negara telah bertindak menggantung lesen juruterbang Pakistan dan menyekat operasi penerbangan *Pakistan International Airlines* (PIA) daripada keluar dan masuk ke negara mereka.

Sehubungan itu, pihak CAAM mengambil langkah untuk menggantung sementara kesemua pemegang lesen Pakistan yang berkhidmat di Malaysia. CAAM juga dalam tindakan untuk mendapatkan pengesahan daripada pihak PCAA mengenai kesahihan sah laku pemegang lesen Pakistan di negara ini. Hanya pemegang lesen Pakistan yang disahkan oleh PCAA akan dibenarkan untuk kembali berkhidmat.

#### **KAPTEN CHESTER VOO**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan mengenai kenyataan media ini, hubungi Pn. Anis Rahim melalui emel [anis@caam.gov.my](mailto:anis@caam.gov.my)